



MAJUTAN

Edisi Jan-Jun 2019 Untuk Kakitangan Jabatan Perhutanan www.forestry.gov.my



Jom Membaca 10
Minit

Sambutan Hari
Hutan Antarabangsa
2019 Peringkat
Daerah Rompin

Majlis Anugerah
Perkhidmatan
Cemerlang 2018
&Meraikan Pesara
Jabatan Perhutanan
Negeri Perak 2019

15th Meeting of The
ASEAN Working
Group on Forest
Management
(AWG-FM)



Dari Meja Ketua Pengarang

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya Buletin MAJUTAN Edisi Jan-Jun 2019 berjaya diterbitkan untuk bacaan semua terutama warga JPSM khasnya.

Dengan terbitan majalah MAJUTAN ini kita dapat melihat kepelbagaiannya aktiviti yang telah dianjurkan dari setiap jabatan dan bahagian. Kesemua aktiviti yang dianjurkan adalah bagi meningkatkan pengetahuan kakitangan JPSM bagi mempertahankan khazanah hutan alam masa kini.

Sehubungan itu, penghargaan yang tidak terhingga saya hukurkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan naskah ini sehingga ia berjaya diterbitkan. Di samping kita dapat mengasah bakat dalam bidang penulisan, kita juga dapat berkongsi informasi kepada orang awam mengenai tugas-tugas yang kita lakukan.

Akhir kata, saya mewakili kesemua Jawatankuasa MAJUTAN memohon ampun dan maaf atas segala kekurangan serta kelemahan yang terkandung dalam edisi ini. Diharap semua pembaca mampu memanfaatkan segala maklumat dengan sebaiknya untuk kesejahteraan semua.

Sekian, terima kasih.

Hj. Mohd. Nasir bin Abu Hassan
Ketua Pengarang

SIDANG REDAKSI MAJUTAN

2019



YBhg. Datuk Borhanudin bin Hj. Arshad
Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia



YBhg. Dato' Mohd. Ridza bin Awang
Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan
(Dasar dan Perancangan)



YBhg. Dato' Hj. Mohd. Nasir bin Abu Hassan
Pengarah Kanan Bahagian Perancangan dan
Ekonomi Hutan

JAWATANKUASA MAJUTAN 2019

PENGARANG
Hj. Fauzi bin Abu Bakar

PENOLONG PENGARANG
Mohd. Izani bin Abdullah

KONSEP DAN REKA BENTUK
Kamal Kusyairi bin Abd. Ghani

PERCETAKAN & EDARAN
Mohd. Hafiz bin Mohd. Noor

WAKIL JABATAN PERHUTANAN NEGERI

JOHOR
Nurul Hidayah binti Hadzuba

KEDAH
Siti Sarah binti Shaharuddin

KELANTAN
Mohd. Faris bin Abdul Rhani

MELAKA
Norliza binti Md

PULAU PINANG
Rabiatal Adawiyah binti Fauzi

SELANGOR
Norhafizah binti Mustafa

NEGERI SEMBILAN
Rafizah binti Minhat

PAHANG
Edevaldo J. Yapp

PERAK
Suhaidi bin Sinin

PERLIS
Fadhilah binti Mohamad

WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
Mariatul Qiptiyah binti Md. Shah

TERENGGANU
Mohd. Hafni bin Ahmad Saraji

WAKIL BAHAGIAN IBU PEJABAT PERHUTANAN

PERANCANGAN & EKONOMI HUTAN
Hazlan bin Abd Aziz

PENGURUSAN HUTAN
Nor Saidatul Huriah binti Shahrudin

SILVIKULTUR & PEMELIHARAAN BIOLOGI HUTAN
Nabilah Hamidah binti Sabar

TEKNIKAL & INDUSTRI KAYU
Zulazfar Husaini bin Abdullah Sani

LADANG DAN PERLINDUNGAN HUTAN
Sharifah Amira binti Salim

LATIHAN PERHUTANAN
Muhammad Hafidz bin Abdullah

PENGUATKUASAAN HUTAN
Mohd. Rizal bin Sabran

FOREST ECO-PARK & TAMAN NEGERI
Sabarina binti Abd. Latif

KEJURUTERAAN HUTAN
Abdul Azim bin Mohamed Zakaria

KHIDMAT PENGURUSAN
Zuraida binti Mohd. Aziz

UNIT INTEGRITI PERHUTANAN
Mohd. Rizal bin Abd. Rahim

PERUNDANGAN DAN PENDAKWAAN
Line@Norline binti Zarnudin

HAL EHWAL ANTARABANGSA
Jennifer anak Francis

KOMUNIKASI KORPORAT & PERHUBUNGAN AWAM
Abdul Nasir bin Ismail

PENGURUSAN MAKLUMAT
Mazuraa binti Marzuki

SETIAUSAHA PUSPANITA
Nurul Huda binti Jamaluddin


SETIAUSAHA PKSIP
Radhuan bin Ramli

SETIAUSAHA KELAB BOWLING
Mohd. Nor Firdaus bin Rahim



ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT	PERKARA
5	Pendakwaan Kes Kesalahan Hutan – Menjalankan Operasi Kilang Tanpa Lesen
5	Lawatan Kerja Rombongan Ybhg. Datuk Seri Borhan bin Dolah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) ke Pusat Eko-Pelajaran Hutan Paya Laut Matang (PEPHPLM) Jabatan Perhutanan Negeri Perak
6	Lawatan Kerja ke <i>The Habitat Penang Hill, Eco Capsul Resort</i> , Teluk Bahang, Pulau Pinang Sempena Mesyuarat Pegawai Kanan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang
7	Pameran Sempena Sambutan Hari Hidupan Liar Sedunia dan Pra-Pelancaran Kempen “Selamatkan Harimau Malaya 2019-2020”
8	Pameran Sempena Pelancaran Sambutan Hari Air Sedunia 2019 Peringkat Kebangsaan
9	Liga Memanah Lapangan Malaysia 2019 di Taman Eko-Rimba Chamang (<i>Malaysia Field Archery League</i>)
10	Kursus Pemahaman Pensijilan Pengurusan Hutan (MC&I) Hutan Asli
10	Ceria @ Persutakaan IPJPSM: Pertandingan Mewarna
11	Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2018 Jabatan Perhutanan Negeri Pahang
12	Majlis Apresiasi Jabatan Perhutanan Negeri Pahang Tahun 2019
13	Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Tahun 2019 Peringkat Daerah Rompin
14	Bengkel Kajian Pengurusan dan Pemuliharaan Hutan Simpan Paya Gambut Bagi Negeri Selangor
15	Sesi Konsultasi dan Lab Pengukuhan Inventori Hutan Nasional Keenam (IHN-6)
16	Operasi Bersepadu Penguatkuasaan Aktiviti Lombong Daerah Hutan Lipis (OPS LOMBONG 4.0), Pahang
18	Lawatan Kerja Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli ke Ladang Eucalyptus dan Taman Eko Rimba Lata Kekabu, Lenggong, Perak
19	Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2018 & Meraikan Pesara Jabatan Perhutanan Negeri Perak 2019
20	Taklimat dan Uji Lari Pengepaman Telaga Tiub Air Bawah Tanah Bagi Pencegahan Kebakaran Hutan Gambut Kepada Pegawai Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
21	Kursus Pengurusan Buangan Terjadual
21	Jom Baca Bersama 10 Minit
22	<i>15th Meeting of The ASEAN Working Group on Forest Management (AWG-FM)</i>
23	Program Memasak dan Agihan Bubur Lambuk Kepada Warga Pejabat Hutan Daerah Kuala Kangsar dan Masyarakat Orang Asli
23	Pendakwaan Kes Kesalahan Hutan – Menjalankan Aktiviti di Dalam HSK Tanpa Permit Penggunaan dan Menceroboh HSK
24	Taklimat U-Pustaka Sempena Program Orientasi Pelajar Baharu FOTRAIN





PENDAKWAAN KES KESALAHAN HUTAN –MENJALANKAN OPERASI KILANG TANPA LESEN

Disediakan oleh : Suhaidi bin Sinin, Jabatan Perhutanan Negeri Perak

IPOH, 08 Mac 2019

Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah membuat pendakwaan ke atas seorang warga tempatan bernama Syed Mohd Zin bin Syed Amrn di mahkamah Seksyen Jenayah, Ipoh.

Syed Mohd Zin bin Syed Amrn didakwa melakukan kesalahan itu di satu tanah lot, kampong Temong Hulu, Mukim Chegar Galah, Daerah Kuala Kangsar pada 10 Januari 2017 kerana menempatkan dan mendirikan suatu industri berasas kayu tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Tertuduh didakwa mengikut seksyen 3(2) Enakmen Industri Berasas Kayu 1987 dan jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara tidak melebihi lima(5) tahun atau kedua-duanya.



Gambar menunjukkan lokasi kejadian kilang kayu yang beroperasi tanpa lesen

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Puan Punitha A/P Sivaraji dan kes dikendalikan oleh pegawai penyiasat Jabatan Perhutanan Negeri Perak Encik Khairil bin Saril dan Encik Samsudin bin Abas. Tertuduh mengaku salah dan dikenakan hukuman denda RM 15,000.00 dan sekiranya gagal, tertuduh akan dipenjara selama 6 bulan. Kayu yang dikeluarkan pula telah dilucutah dan diserahkan kepada Pihak Berkuasa Negeri.



LAWATAN KERJA ROMBONGAN YBHG. DATUK SERI BORHAN BIN DOLAH KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM (KPPA) KE PUSAT EKO-PELAJARAN HUTAN PAYA LAUT MATANG (PEPHPLM) JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK

Sesi bergambar bersama YBhg. Datuk Seri Borhan Bin Dolah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) dan YBhg. Dato' Mohamed Zin bin Yusop serta kakitangan Pejabat Hutan Daerah Larut dan Matang, Taiping



Disediakan oleh: Norbaizura binti Aris
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

KUALA SEPETANG, 8 Mac 2019

Aktiviti lawatan ke PEPHPLM ini merupakan sebahagian daripada program lawatan KPPA ke bandar Taiping anjuran Pejabat Daerah Larut Matang dan Selama ke Taiping. Taklimat mengenai Pengurusan Hutan Paya Laut telah disampaikan oleh Encik Mohd Faris bin Sobri, Pegawai Hutan Daerah Larut dan Matang. Taklimat ini memberikan penerangan mengenai Pengurusan Hutan Paya Laut Matang, "Pengurusan Hutan Paya Laut Terbaik Di Dunia" yang memfokuskan kepada aspek industri arang kayu dan kayu jaras, fungsi hutan yang lain seperti perlindungan, rekreasi serta aspek pemeliharaan kepelbagaiannya biologi.

Semasa lawatan berlangsung, tetamu kehormat telah dibawa melawat ke persekitaran PEPHPLM, menanam anak pokok Bakau Minyak (*Rhizophora apiculata*) serta lawatan boat cruise bagi menikmati pemandangan Hutan Paya Laut Matang di sepanjang Sungai Reba dan Sungai Pulau Sangga Besar.

Tetamu kenamaan yang turut hadir dalam lawatan KPPA ini ialah:

1. YB Tuan Haji Zainal Azman bin Abu Seman - Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
2. YBhg. Dato' Mohamed Zin bin Yusop - Pengarah Perhutanan Negeri Perak
3. Puan Nor Sham Binti Rahman - Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan)
4. Tuan Mohamed Akmal Bin Dahalan - Pegawai Daerah Larut, Matang dan Selama



Aktiviti menanam anak pokok bakau



LAWATAN KERJA KE THE HABITAT PENANG HILL, ECO CAPSUL RESORT, TELUK BAHANG, PULAU PINANG SEMPENA MESYUARAT PEGAWAI KANAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG

Disediakan oleh: Choong Huey Jin Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

PULAU PINANG, 14-15 MAC 2019

Satu lawatan kerja ke dua destinasi eko-pelancongan iaitu The Habitat Penang Hill serta Eco Capsule Resort, Teluk Bahang, Pulau Pinang telah dianjurkan bersempena dengan Mesyuarat Pegawai Kanan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang yang berlangsung di Pejabat Hutan Daerah Barat Daya, Pulau Pinang pada 14 hingga 15 Mac 2019. Lawatan yang diketuai oleh Pengarah Perhutanan Negeri Pahang serta dua orang Timbalan ini turut disertai oleh seramai 25 orang pegawai kanan Jabatan.

Kedua-dua destinasi eko-pelancongan yang baru ini merupakan hasil kerjasama pintar kerajaan – swasta di mana destinasi tersebut terletak di dalam Hutan Simpanan Kekal Negeri Pulau Pinang dan diusahakan oleh pihak swasta. Kedua-dua lokasi ini walaupun baru diperkenalkan, tetapi ia telah menjadi tarikan pengunjung dan menjana pendapatan Jabatan dan Kerajaan Negeri. Dengan tarikan ini, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang telah datang untuk meninjau dan berbincang bersama pihak pengusaha bagi mengenalpasti peluang kerjasama di masa hadapan dengan tujuan pelaksanaan di Negeri Pahang.

Justeru, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang merakamkan jutaan terima kasih kepada Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang yang telah banyak membantu dalam menjayakan lawatan ini.



Lawatan ke Eco Capsule Resort, Teluk Bahang bersama Pengurusan Encik Dino.



Taklimat diberi oleh Puan Justine Vaz, Pengurus Besar The Habitat Penang Hill.



Majlis penyampaian cenderamata selepas Mesyuarat Pegawai Kanan berlangsung



Lawatan ke The Habitat Penang Hill yang diketuai oleh Pengarah Perhutanan Negeri Pahang serta turut disertai oleh Pengarah Perhutanan Negeri Pulau Pinang.



PAMERAN SEMPENA SAMBUTAN HARI HIDUPAN LIAR SEDUNIA 2019 DAN PRA- PELANCARAN KEMPEN “ SELAMATKAN HARIMAU MALAYA 2019 – 2020”

Disediakan oleh : Abdul Nasir bin Ismail, Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam



Dari kiri :Pn. Azizah binti Ariffin, Datuk Zurinah binti Pawanteh, YB Dr. Xavier dan Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim (pertama dari kanan)



Datuk Zurinah binti Pawanteh melawat 'booth' pameran jabatan.

MYTOWN KUALA LUMPUR – 17 MAC 2019

Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) dengan kerjasama Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia telah menganjurkan Sambutan Hari Hidupan Liar Sedunia 2019 dan Pra-Pelancaran Kempen “Selamatkan Harimau Malaya” 2019 - 2020 di MyTown, Jalan Cochrane, Kuala Lumpur pada hari ini. Majlis sambutan ini disempurnakan oleh YB. Dr. Xavier Jayakumar, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli.

Sambutan Hari Hidupan Liar Sedunia Peringkat Kebangsaan memberi fokus kepada konservasi Harimau Malaya bagi memantapkan penglibatan semua pihak dalam usaha meningkatkan populasi Harimau Malaya yang semakin diancam kepupusan. Harimau Malaya merupakan haiwan ikonik yang menjadi kebanggaan dan warisan negara. Harimau Malaya turut menjadi lambang Jata Negara.

Populasi Harimau Malaya berada di tahap yang sangat membimbangkan. Sehingga kini, bilangan Harimau Malaya yang direkodkan di Malaysia adalah kurang daripada 200 ekor. Sekiranya tindakan drastik tidak diambil, Malaysia akan kehilangan spesies Harimau Malaya buat selama-lamanya. Bagi menunjukkan komitmen dalam menangani kepupusan Harimau Malaya, Kerajaan melalui Jabatan PERHILITAN menjadikan usaha menyelamatkan Harimau Malaya sebagai agenda nasional dan mengisytiharkan perang terhadap penceroboh dan pemburu haram hidupan liar.

Usaha menyelamatkan Harimau Malaya akan dipertingkatkan melalui *Tiger Protection and Patrolling Programme* (TP3) yang melibatkan kerjasama strategik antara Jabatan PERHILITAN, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Pelbagai agensi kerajaan di bawah Kementerian Air, Tanah dan Sumber asli juga pihak NGO menyertai pameran sempena majlis tersebut.



Sesi perasmian bagi Sambutan Hari Hidupan Liar Sedunia 2019



Ucapan perasmian dari YB Dr. Xavier Jayakumar



PAMERAN SEMPENA PELANCARAN SAMBUTAN HARI AIR SEDUNIA 2019 PERINGKAT KEBANGSAAN

Disediakan oleh : Abdul Nasir bin Ismail
Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam

PANTAI MERDEKA, KOTA KUALA MUDA, KEDAH – 23 MAC 2019

YB. Dr. Xavier Jayakumar, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli dan YAB Dato' Seri Mukhriz Bin Tun Mahathir, Menteri Besar Kedah Darul Aman telah menyempurnakan bersama Majlis Pelancaran Sambutan Hari Air Sedunia Tahun 2019 Peringkat Kebangsaan bertempat di Pantai Merdeka, Kota Kuala Muda, Kedah pada tarikh ini.

Sambutan yang bertemakan “Leaving No One Behind” adalah merupakan anjuran bersama Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) dan juga Kerajaan Negeri.

Hari Air Sedunia yang disambut pada 22 Mac setiap tahun adalah acara tahunan yang dianjurkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) sejak tahun 1993 bertujuan bagi meningkatkan kesedaran dan membaharu teknologi lapisan rakyat di dunia untuk menangani isu-isu berkaitan air melalui pelan strategik dan pelaksanaan tindakan oleh setiap negara di seluruh dunia. Bagi memenuhi sasaran Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals), yang dilancarkan pada 2015 oleh United Nation, iaitu bagi memastikan setiap individu mempunyai akses kepada air bersih pada tahun 2030, menjadikan air sebagai isu utama dalam usaha untuk membasmi kemiskinan tegar.

Selaras dengan tema sambutan, Kerajaan melalui KATS sentiasa berusaha untuk memastikan sumber air mencukupi dan selamat untuk diminum disamping memastikan bekalan air diterima oleh semua sektor pengguna iaitu domestik, industri, pertanian, penternakan dan perikanan.



Ucapan perasmian telah disampaikan oleh YAB Dato' Seri Mukriz bin Tun Mahathir

Antara program-program yang diadakan bersempena Sambutan Hari Air Sedunia 2019 di Pantai Merdeka, Kedah ialah:-

- i. Anugerah Tesis Terbaik kepada siswazah institusi pengajian tinggi;
- ii. Anugerah Khas Sumber Air kepada Komuniti;
- iii. Pertandingan mewarna dan melibatkan kanak-kanak sekolah;
- iv. Fun Run, Pertandingan memancing, Pertandingan Tarik Tali, Pertandingan Tangkap Itik dan Pertandingan Pukul Bantal, dan
- v. Pameran Kebangsaan melibatkan pelbagai agensi dan Badan Bukan Kerajaan.

Semua pihak, khususnya Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri serta jabatan/agensi yang terlibat secara langsung dalam pengurusan sumber air perlu bekerjasama merealisasikan pelaksanaan pengurusan sumber air negara secara bersepudu dan semua pihak berkepentingan perlu memberi perhatian, tumpuan serta mengambil tindakan yang berterusan demi memastikan pengurusan sumber air negara ini secara lestari bagi menyokong agenda pembangunan ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat.



Antara pelawat di tapak pameran



Poster yang telah diilangkan bagi menyulu penduduk tempatan turut serta menyertai Sambutan Hari Air Sedunia 2019



Para peserta sedang mempersiapkan diri sebelum pertandingan bermula,



Antara aksi peserta yang penuh fokus untuk mendapatkan mata tinggi.



Wakil pemanah kebangsaan Juwaidi bin Marzuki telah menjuarai kategori 'Compound (Open)'.

LIGA MEMANAH LAPANGAN MALAYSIA 2019 DI TAMAN EKO-RIMBA CHAMANG (MALAYSIA FIELD ARCHERY LEAGUE 2019)

BENTONG, 24 MAC 2019

Taman Eko-Rimba Chamang, Bentong Pahang, sekali lagi dijadikan lokasi penganjuran program rekreasi bertaraf antarabangsa. Kali ini, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang telah berkerjasama dengan Persatuan Pemanah Profesional Malaysia (OMPA-Organization of Malaysia Professional Archers) bagi penganjuran Liga Memanah Lapangan Malaysia serta Jemputan Antarabangsa.

Sebanyak 8 kategori telah dipertandingkan antaranya Traditional (Junior/Ladies/Open), Barebow (Ladies/Open), Recurve (Junior/Open) dan Compound (Open). Seramai 122 peserta telah menyertai kejohanan ini termasuk 3 orang wakil pemanah kebangsaan serta 15 orang peserta antarabangsa dari Singapura, Hong Kong, India, China dan Sri Lanka. Kejohanan ini juga telah melibatkan penyertaan sukarelawan daripada Kolej Yayasan Pahang dan juga UITM Raub, Pahang bagi membantu dalam operasi teknikal, pengiraan markah dan bertugas sebagai Marshal.

Penganjuran program ini adalah bagi mempromosikan Taman Eko-Rimba Chamang sebagai satu destinasi eko-pelancongan yang mampu memenuhi pelbagai aktiviti rekreasi selain dari aktiviti bermandi-manda, menjelajah hutan, berkhemah dan berkelah. Taman-Eko-Rimba Chamang juga menjadikan kejohanan liga memanah ini lebih menarik dengan tahap kesukaran yang dinamik bergantung kepada bentuk muka bumi semulajadi yang unik.

Pengetahuan OMPA, Encik Mohd Kassim bin Abdul Majid telah menyempurnakan sesi penyampaian hadiah semasa majlis penutup. Wakil pemanah kebangsaan Juwaidi bin Marzuki telah menjuarai kategori Compound (Open).



KURSUS PEMAHAMAN PENSIJILAN PENGURUSAN HUTAN (MC&I) HUTAN ASLI

Disediakan oleh : Suhaidi bin Sinin
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

SUNGAI SIPUT, 26 Mac 2019

Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah mengadakan "Kursus Pemahaman Pensijilan Hutan (MC&I) Hutan Asli" pada 26-28 Mac 2019. Kursus tersebut telah dikendalikan oleh Bahagian Hasil Bukan Kayu & Latihan, Jabatan Perhutanan Negeri Perak dan kursus tersebut telah diadakan di Pusat Latihan Perhutanan, Sg Siput serta dihadiri oleh Pegawai dan kakitangan pakaian seragam Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Peserta kursus diberi pendedahan berkaitan pemahaman dan prinsip bagi Pensijilan Pengurusan Hutan (MC&I) Hutan Asli. Latihan di lapangan juga telah diadakan di satu kawasan lesen pembalakan di HS Kledang Saiong, Kuala Kangsar.



Latihan di lapangan termasuk pemeriksaan lorong penari.



Pemeriksaan kawasan lesen pembalakan oleh peserta kursus.

CERIA @ PERPUSTAKAAN IPJPSM: PERTANDINGAN MEWARNA

Disediakan oleh: Zuraida Bt Mohd Aziz, Bahagian Khidmat Pengurusan, IPJPSM



Kesemua peserta bagi Kategori 6 Tahun Ke Bawah

**PERPUSTAKAAN
26-28 Mac 2019**

Bersempena dengan cuti sekolah, Perpustakaan IPJPSM telah menganjurkan pertandingan mewarna pada 26 Mac 2019 dan 28 Mac 2019. Pertandingan ini disertai oleh anak-anak warga IPJPSM. Pertandingan diadakan dua kategori:



Kesemua peserta bagi Kategori 7-12 Tahun



Nur Marissa Kiasatina Binti Khairulharudin



Raisha Zhufairah Binti Mohd Zaki



Nur Arissa Binti Khairulharudin

ANTARA PEMENANG-PEMENANG PERTANDINGAN MENGIKUT KATEGORI



Nayli Ardine Binti Mohammad Yahya



Nur Hasya Kiasatina Binti Khairulharudin



Puteri Aleesya Dania Binti Zawira



Sesi bergambar Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia bersama Pegawai Kanan

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2018 JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG

Disediakan oleh: Norden bin Zakaria, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

ROMPIN, 29 MAC 2019

Pada tarikh keramat ini dan seperti mana tahun-tahun sebelumnya, Majlis Penganugerahan Anugerah Khidmat Cemerlang yang disertai dengan Anugerah Khas Pengarah, Anugerah Perkhidmatan 30 tahun dan Majlis Meraikan Pesara dan Bakal Pesara 2019.

Majlis ini menyaksikan YBhg. Dato' Nor Akhiruddin bin Mahmud selaku Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia hadir merasmikan majlis ini dengan dirungi YBhg. Dato' Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (Operasi Dan teknikal), YBhg. Dato' Pengarah Perhutanan Negeri Pahang dan dif-dif kehormat. Sejumlah 319 orang penerima anugerah dan 130 tetamu jemputan telah memenuhi Dewan Seri Pinang, Lanjut Beach And Golf Resort bagi memberikan sokongan terhadap program ini.

Program penganugerahan merupakan acara tahunan bagi memberikan pengiktirafan kepada kakitangan yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam bidang tugas yang telah diamanahkan. Pihak Jabatan juga menggunakan platform ini untuk menzahirkan perasaan bangga dan syabas kepada kakitangan yang telah mengabadikan diri dalam tugas sehingga tempoh 30 tahun serta kakitangan yang bakal menempuh alam persaraan setelah menyumbang bakti pada jabatan buat berdekad lamanya.

Pengiktirafan, anugerah dan penghargaan merupakan pendorong kepada kakitangan yang saban masa melaksanakan amanah dan tanggungjawab. Justeru amalan begini perlu dijadikan acara tahunan.



Ketibaan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia



Sebahagian penerima anugerah.



Ucapan aluan Pengarah Perhutanan Negeri Pahang



MAJLIS APRESIASI JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG TAHUN 2019

Disediakan oleh: Norden bin Zakaria
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

ROMPIN, 29 MAC 2019

Majlis Apresiasi Jabatan Perhutanan Negeri Pahang Tahun 2019 telah diadakan di *Lanjut Beach And Golf Resort*, Rompin yang bertujuan sebagai penghargaan serta memberikan ruang kepada kakitangan menunjukkan bakat serta keluar dari rutin harian. Majlis ini juga bertemakan ‘*Beach Party / Hawaiian*’ bagi mewujudkan elemen santai sepanjang majlis berlangsung.



VIP mengabadikan kenangan di 'booth' gambar yang menarik.

Selain itu, objektif majlis ini diadakan adalah untuk memberi penghargaan kepada kakitangan yang telah menerima pelbagai anugerah sepanjang tahun 2018. Ianya juga merupakan satu bentuk Insentif kepada kakitangan jabatan untuk berusaha dengan lebih gigih serta memberi peluang dan ruang untuk kakitangan pelbagai daerah, jawatan dan gred untuk menunjukkan bakat dalam majlis tersebut. Begitu juga, majlis tersebut adalah berbentuk majlis makan malam dan persembahan adalah dari kakitangan sendiri bagi menzhirikan konsep kerjasama dan hubungan silaturrahim berkekalan dari anggota jabatan.



Persembahan yang menghiburkan daripada Sang Juara.

Seramai 350 orang tetamu telah menghadiri majlis tersebut yang terdiri daripada Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2018, Penerima Anugerah Khas Pengarah 2018, Pesara dan Bakal Pesara 2019, kakitangan yang telah mencapai 30 tahun usia perkhidmatan, Pegawai Kanan serta Ahli Majlis Bersama Jabatan Perhutanan Negeri Pahang.

Pengiktirafan, anugerah dan penghargaan merupakan pendorong kepada kakitangan yang saban masa melaksanakan amanah dan tanggungjawab. Justeru amalan begini perlu dijadikan acara tahunan.



Kakitangan menerima hadiah penghargaan sebagai insentif untuk bekerja dengan lebih gigih.



Gelagat dan aksi tetamu sepanjang majlis berlangsung





SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA TAHUN 2019 PERINGKAT DAERAH ROMPIN

Disediakan oleh: Nurfaizila binti Kamarulbahrin
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

ROMPIN, 30 MAC 2019

Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Tahun 2019 (HHA) Peringkat Daerah Rompin bertemakan "Hutan dan Pendidikan" telah diadakan pada 30 Mac 2019 di Lanjut Beach & Golf Resort, Rompin. Majlis ini merupakan anjuran bersama Pejabat Perhutanan Negeri Pahang dan Pejabat Hutan Daerah Rompin.

Majlis sambutan ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Hj Nor Akhiruddin bin Mahmud, Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Majlis ini juga turut diserikan dengan kehadiran YB. Dato' Mohammad Fakhruddin bin Mohd Ariff, Pengurus Jawatankuasa Sains, Teknologi, Teknologi Hijau, Komunikasi & Multimedia Negeri Pahang, YB Dato' Haji Nazri bin Ngah, Pengurus Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi, Usahawan dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Pahang dan juga YBhg. Dato' Ridza bin Awang, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi dan Teknikal) Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Seramai 200 orang yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang terlibat dengan majlis ini serta sebanyak 200 pokok Kelat Jambu dan Kelapa Pandan telah ditanam sempena majlis ini.



YBhg. Dato' Hj Nor Akhiruddin turut serta dalam aktiviti penanaman pokok.



VIP bergambar bersama pokok yang telah ditanam sebagai tanda peringatan dan kenang-kenangan.



Majlis telah dihadiri oleh Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (empat dari kanan), Pengurus Jawatankuasa Sains, Teknologi, Teknologi Hijau, Komunikasi & Multimedia Negeri Pahang (tiga dari kiri), Pengurus Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi, Usahawan dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Pahang (empat dari kiri) dan juga Timbalan Ketua Pengarah (Operasi dan Teknikal) Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (dua dari kiri).



Antara tetamu yang hadir dan memeriahkan majlis sempena Hari Hutan Antarabangsa Tahun 2019



BENGKEL KAJIAN PENGURUSAN DAN PEMULIHARAAN HUTAN SIMPAN PAYA GAMBUT BAGI NEGERI SELANGOR

Disediakan oleh: Nor Saidatul Huriah Bt. Shaharudin
Bahagian Pengurusan Hutan, IPJPSM

KUALA SELANGOR, SELANGOR 1-3 APRIL 2019

Bahagian Pengurusan Hutan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah mengadakan Bengkel Kajian Pengurusan dan Pemuliharaan Hutan Simpan Paya Gambut bagi Negeri Selangor pada 1 hingga 3 April 2019 di De Palma Eco Resort Hotel, Kuala Selangor, Selangor. Seramai 53 orang peserta telah hadir dan terdiri daripada kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) Johor, JPN Pahang, JPN Selangor, JPN Terengganu serta kakitangan dari Bahagian Pengurusan Hutan, Ladang Hutan & Perlindungan Hutan, Silvikultur & Pemeliharaan Biologi Hutan dan Forest Eco-Park & Hutan Taman Negeri, IPJPSM.



Para peserta diberi penerangan tentang kaedah pengecaman tanah gambut.

Bengkel ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta bengkel berkaitan pengurusan hutan paya gambut, terutamanya dalam aspek pemuliharaan fungsi hidrologi dan pencegahan kebakaran tanah gambut disamping memberi latihan amali tentang pengurusan dan pemantauan piezometer.

Bengkel ini dirasmikan oleh YBhg. Dato' Lim Kee Leng, Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Hutan, IPJPSM mewakili Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM). Majlis perasmian turut dihadiri oleh Tn. Hj. Abdul Khalim bin Abu Samah Timbalan Pengarah (Pembangunan Hutan), JPN Selangor dan Dr. Ismail bin Hj Parlan, Pengarah Bahagian Perhutanan dan Alam Sekitar, FRIM.

Sebanyak tujuh (7) kertas kerja berkaitan pengurusan hutan tanah gambut, kajian hidrologi, kebakaran tanah gambut, stok karbon dan profil tanah gambut telah dibentangkan oleh pembentang dari FRIM, JPN Selangor dan *Global Environment Centre* (GEC). Para peserta turut dibawa ke Kompartmen 73, HS Raja Musa, Selangor untuk sesi amali di lapangan. Para peserta diberi penerangan tentang kaedah pengecaman dan pengambilan sampel tanah gambut. Para peserta juga mempelajari kaedah penyediaan dan pemasangan piezometer serta menentukan bacaan kandungan air bawah tanah.



Sesi bergambar sebelum sesi amali dijalankan di Kompartmen 73, HS Raja Musa, Selangor.



SESI KONSULTASI DAN LAB PENGUKUHAN INVENTORI HUTAN NASIONAL KEENAM (IHN-6)




Disediakan oleh: Nor Saidatul Huriah Bt. Shaharudin
Bahagian Pengurusan Hutan, IPJPSM

KUALA SELANGOR, SELANGOR 1-3 APRIL 2019

Bahagian Pengurusan Hutan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah mengadakan Bengkel Kajian Pengurusan dan Pemuliharaan Hutan Simpan Paya Gambut bagi Negeri Selangor pada 1 hingga 3 April 2019 di De Palma Eco Resort Hotel, Kuala Selangor, Selangor. Seramai 53 orang peserta telah hadir dan terdiri daripada kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) Johor, JPN Pahang, JPN Selangor, JPN Terengganu serta kakitangan dari Bahagian Pengurusan Hutan, Ladang Hutan & Perlindungan Hutan, Silvikultur & Pemeliharaan Biologi Hutan dan Forest Eco-Park & Hutan Taman Negeri, IPJPSM.



Gelagat peserta dan penceramah sekitar program berlangsung.



Contoh reka bentuk IHN-6.

Objektif utama bagi sesi konsultasi adalah untuk membincangkan halatuju dan pendekatan pelaksanaan IHN-6 yang dijangka akan diadakan pada tahun 2020. Sesi konsultasi dimulakan dengan pembentangan mengenai Sejarah Perlaksanaan Inventori Hutan Nasional dan Cadangan IHN-6 oleh En. Azmer bin Mohammad daripada IPJPSM. Pembentangan seterusnya daripada UKM oleh Dr. Shamsul Khamis bertajuk Inventori Hutan, Prof. Madya Dr. Mohd Nazre Saleh dan Prof. Madya Dr. Kamziah Abd. Kudus daripada UPM bertajuk Penambahbaikkan Inventori dan Dr. Wan Mohd Shukri Wan Ahmad daripada FRIM bertajuk Pendekatan dan Konsep Inventori Hutan Menggunakan Remote Sensing. Sesi konsultasi diteruskan lagi dengan perbincangan mengenai pelaksanaan IHN-6 yang dikendalikan oleh Dr. Hj. Yunus bin Zakaria.

Lab pengukuhan IHN-6 diteruskan pada 3 hari berikutnya melibatkan 44 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan IPJPSM dan JPN. Objektif lab pengukuhan ini adalah untuk mengukuhkan pengetahuan dan kefahaman peserta berkaitan prosedur keseluruhan pelaksanaan IHN-6 dan kaedah penganalisaan data IHN-6 serta meneliti dan memperhalusi konsep dan format pelaporan IHN-6. Satu sesi penutup dan rumusan keseluruhan sesi konsultasi lab telah dilakukan dan beberapa perkara yang berbangkit telah dibincangkan untuk penambahbaikkan IHN-6 yang akan diadakan pada tahun 2020 kelak.

Pelaksanaan IHN-6 akan bermula pada tahun 2020 hingga 2024 dan dilaksanakan sepenuhnya oleh IPJPSM dengan kerjasama JPN. Reka bentuk IHN-6 adalah seperti di gambarajah dan melibatkan sebanyak 658 unit pensampelan (UP). Parameter yang dikumpulkan adalah berdasarkan maklumat yang akan dikutip di dalam pensampelan titik, pensampelan bulatan dan pensampelan jalur. Maklumat inventori sumber kayu kayan, sumber hutan bukan kayu, tumbuhan ubatan, sisa kayu dan sampah dedaun akan dikumpulkan dan dianalisis.



Perbincangan kumpulan bagi mendapatkan idea yang kreatif.



OPERASI BERSEPADU PENGUATKUASAAN AKTIVITI LOMBONG DAERAH HUTAN LIPIS (OPS LOMBONG 4.0), PAHANG

Disediakan oleh: Azmi bin Mohd Zain
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

KUALA LIPIS, 1-4 APRIL 2019

Jabatan Perhutanan Negeri Pahang telah menganjurkan Operasi Bersepadu Penguatkuasaan Aktiviti Lombong Daerah Hutan Lipis yang dikenali dengan Ops Lombong 4.0. Ia merupakan kesinambungan dari Ops Lombong 3.0 yang telah dijalankan di daerah Raub dan Lipis pada Oktober 2018.

Operasi kali ini memberi tumpuan kepada kawasan Lesen Mencarigali (EL/PL) dan Pajakan Melombong (ML) di Hutan Simpanan Kekal, Tanah Kerajaan dan Tanah Milik dalam Daerah Lipis. Kawasan-kawasan yang terlibat adalah HS Kerambit, HS Terenggan, HS Aur Gading, HS Ulu Jelai, HS Sg. Yu dan Tanah Kerajaan dan Tanah Milik dalam mukim Cheka, Kuala Lipis, Tanjung Besar, Gua, Penjom, Telang, Kechau, Batu Yon dan Ulu Jelai.

Operasi bersepadu ini disertai seramai 190 orang anggota dari 9 agensi penguatkuasa di negeri Pahang. Operasi ini diketuai oleh Encik Azmi bin Mohd Zain, Penolong Pengarah Unit Penguatkuasa Pahang yang dilantik sebagai komandan operasi. Agensi-agensi yang terlibat adalah seperti berikut:

- i. Jabatan Perhutanan Negeri Pahang;
- ii. Ibu Pejabat, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia;
- iii. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Pahang;
- iv. Badan Kawal Selia Air, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang;
- v. Pejabat Daerah dan Tanah Lipis;
- vi. Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (Pahang);
- vii. Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang;
- viii. Ibu Pejabat Polis Daerah Lipis; dan
- ix. Jabatan Imigresen Negeri Pahang.



ANTARA JENTERA DAN ALAT-ALAT
MELOMBONG YANG DISITA





Ops Lombong 4.0 dijalankan dengan tujuan untuk:

- i. Memastikan semua Lesen Mencarigali (EL/PL) dan Pajakan Melombong (ML) mematuhi semua syarat yang telah ditetapkan;
- ii. Mengkekang ketirisan hasil Kerajaan Negeri melalui kutipan cukai dan lain-lain fi;
- iii. Memperkasa aktiviti penguatkuasaan bersepada dengan jabatan dan agensi penguatkuasaan yang lain; dan
- iv. Mengeratkan hubungan serta komunikasi antara Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) dengan lain-lain agensi.

Selama 3 hari operasi dijalankan sebanyak 4 kes dapat dikesan iaitu satu (1) di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 iaitu melombong tanpa kebenaran dalam Hutan Simpanan Kekal, satu (1) di bawah Enakmen Mineral Negeri Pahang iaitu melombong dalam Tanah Milik tanpa kebenaran dan dua (2) di bawah Akta Imigresen 1959/63 iaitu pekerja warga asing.



3 orang dari 7 orang warga asing yang ditahan bagi tindakan selanjutnya.

Adalah diharapkan agar operasi bersepada ini akan dapat diteruskan secara berkala bagi mengekang aktiviti perlombongan yang tidak sah di dalam Hutan Simpanan Kekal, Tanah Kerajaan dan Tanah Milik. Perlu mewujudkan satu *Standard Operating Procedure (SOP)* untuk digunakan oleh semua agensi yang berkaitan semasa menjalankan operasi.

Majlis Penutup Ops Lombong 4.0 telah dirasmikan oleh YAB. Dato' Sri Haji Wan Rosdy Bin Wan Ismail, Menteri Besar Pahang pada 4 April 2019 di Penjom Gold Mine, Kuala Lipis, Pahang.



LAWATAN KERJA MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI KE LADANG EUCALYPTUS DAN TAMAN EKO RIMBA LATA KEKABU, LENGGONG, PERAK

Disediakan oleh : Norbaizura binti Aris, Jabatan Perhutanan Negeri Perak

Lenggong, 07 April 2019

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli YB. Dr. Xavier Jayakumar telah mengadakan lawatan kerja ke negeri Perak Darul Ridzuan pada 06-07 April 2019. Objektif utama lawatan lawatan kerja tersebut adalah bagi meninjau aktiviti pemeliharaan dan pengurusan hutan yang dilaksanakan oleh agensi-agensi di bawah seliaan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli. Lawatan kerja beliau yang turut disertai oleh 8 Kedutaan Luar Negara ke Malaysia antaranya H.E Maria Castillo Fernandez, Duta Kesatuan Eropah, H.E Cristiano Maggipinto, Duta Itali, H.E Frederic Laplanche, Duta Perancis, HE Pascal Gregoire, Duta Belgium, H.E Karin Mössenlechner, Duta Belanda dan H.E Constantin Volodea Nistor, Duta Romania.

Selain itu, wakil kementerian antaranya Datuk Zurinah binti Pawanteh, Ketua Setiausaha Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli, Dato' Wan Mazlan bin Wan Mahmood, Setiausaha Bahagian dan pegawai-pegawai kanan kementerian serta YBhg. Dato' Indera Hj. Nor Akhirrudin bin Mahmud, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia bersama pimpinan tertinggi dari Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia, Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, YBhg. Dato' Dr. Abd Latif Mohmod dan pihak direktorat Jabatan Perhutanan Negeri Perak yang diketuai oleh YBhg. Dato' Mohamed Zin bin Yusop, Pengarah Perhutanan Negeri turut hadir menyertai delegasi lawatan tersebut.

Pada 6 April 2019 delegasi lawatan YB Menteri telah ke Stesen Penyelidikan FRIM Bidor bagi meninjau kejayaan program penghutanan semula kawasan bekas lombong tin yang telah dipulihkan semula oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dalam tempoh kurang daripada 20 tahun. Manakala pada 07 April 2019 YB Menteri dan delegasi telah ke Taman Eko Rimba Lata Kekabu Lenggong bagi mendengar taklimat "Forest Management in Perak" yang telah dibentangkan oleh En. Harry Yong, Ketua Penolong Pengarah (Perancangan dan Pengurusan Hutan) Jabatan Perhutanan Negeri Perak serta pembentangan dan perkongsian oleh En. Theong wakil Syarikat Pei Cheong Sdn. Bhd. yang membentangkan "The Establishment and Management of Eucalyptus Plantation". Delegasi seterusnya telah melawat ke ladang Eucalyptus sp. yang terletak di Bukit Sapi, Lenggong dan Kilang Papan milik syarikat tersebut.



Delegasi lawatan mendengar penerangan dari wakil Syarikat Pei Cheong Sdn. Bhd. di kawasan ladang Eucalyptus.



Selain itu, YB Menteri dan delegasi turut berkesempatan untuk meninjau kawasan sekitar Taman Eko Rimba Lata Kekabu serta menjalankan aktiviti penanaman pokok, melepaskan benih anak-anak ikan ke sungai serta melihat demonstrasi memanjat pokok oleh Pasukan Perolehan Biji Benih dan Bahan Tanaman Jabatan Perhutanan Negeri Perak menggunakan kaedah Single Rope Technique dan Double Rope Technique yang telah digunakan oleh jabatan bagi usaha mendapatkan biji benih berkualiti untuk tujuan pembiakan dan penghijauan semula Hutan Simpanan Kekal sebagai gambaran jelas komitmen jabatan dalam mentadbir dan memelihara hutan asli.



Aktiviti pelepasan benih anak ikan ke dalam sungai Lata Kekabu oleh delegasi.



Her/ His Excellency Kedutaan-kedutaan luar negara ke Malaysia yang turut hadir menyertai delegasi (Dari Kiri : H.E Cristiano Maggipinto , H. E. Maria Castillo Fernandez, H.E. Frederic Laplanche, H.E. Karin Mössenlechner)



Sidang media seusai acara penanaman pokok dan pelepasan benih anak-anak ikan ke dalam sungai.



H.E Maria Castillo Fernandez, Duta Kesatuan Eropah ke Malaysia menyempurnakan aktiviti penanaman pokok mangga di perkaran TER Lata Kekabu.



Delegasi lawatan bergambar di dalam kawasan ladang Eucalyptus.

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2018 & MERAIKAN PESARA JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK 2019

Disediakan oleh : Suhaidi bin Sinin
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

IPOH, 8 April 2019

Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah mengadakan majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2018 dan meraikan Pesara JPNPK tahun 2019. Majlis ini diserikan lagi dengan kehadiran dan dirasmikan oleh YBhg Dato' Indera HJ. Nor Akhirrudin bin Mahmud Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia. Seramai 12 orang Pesara bagi tahun 2019 dan seramai 55 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2018 diraikan pada majlis tersebut. Jabatan Perhutanan Negeri Perak mengucapkan tahniah kepada semua penerima anugerah dan Sekalung Penghargaan kepada kakitangan yang bakal/telah bersara.



Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia bersama Pengarah Perhutanan Negeri, Timbalan Pengarah (Pembangunan) dan Timbalan Pengarah (Operasi) sempena Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2018 & meraikan pesara Jabatan Perhutanan Negeri Perak 2019.



Penerima APC tahun 2018 dan Pesara 2019 bergambar bersama Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia.



TAKLIMAT DAN UJI LARI PENGEPAMAN TELAGA TIUB AIR BAWAH TANAH BAGI PENCEGAHAN KEBAKARAN HUTAN GAMBUT KEPADA PEGAWAI JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Disediakan oleh: Nor Saidatul Huriah Bt. Shaharudin
Bahagian Pengurusan Hutan, IPJPSM

BANTING, SELANGOR 8-11 APRIL 2019

Bahagian Pengurusan Hutan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) dengan kerjasama Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) telah mengadakan Taklimat dan Uji Lari Pengepaman Telaga Tiub Air Bawah Tanah bagi Pencegahan Kebakaran Hutan Gambut kepada Pegawai Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia yang telah diadakan pada 11 hingga 18 April 2019 di Hotel Impian Morib, Banting, Selangor. Seramai 30 orang peserta telah menghadiri Bengkel ini yang terdiri daripada kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) Johor, JPN Pahang, JPN Selangor, JPN Terengganu serta kakitangan dari Bahagian Pengurusan Hutan, Ladang Hutan & Perlindungan Hutan dan Silvikultur & Pemeliharaan Biologi Hutan, IPJPSM.

Taklimat ini diadakan bertujuan untuk memberi latihan kepada kakitangan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia berkaitan pengenalan, kaedah penggerudian dan pengepaman telaga tiub. Taklimat dimulakan dengan sesi pembentangan mengenai pengenalan dan pengurusan telaga tiub oleh pihak JMG dan Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) Selangor. Pada sesi petangnya peserta dibawa ke lapangan iaitu di Johan Setia, Selangor untuk mengetahui dan mempelajari teknik penggerudian telaga tiub.

Pada hari kedua taklimat, para peserta dibawa ke Kompartmen 6, Hutan Simpan Kuala Langat Utara dan Kompartmen 24, Hutan Simpan Kuala Langat Selatan di negeri Selangor untuk melihat demonstrasi pengepaman air dari telaga tiub menggunakan pam SP30, SP60 dan pam permukaan.

Taklimat pada hari ketiga diakhiri dengan sesi rumusan oleh Tn. Rusli bin Tn. Mohamed, Timbalan Pengarah Pengurusan Sumber Manusia JMG, En. Grippin Anak Akeng, Ketua Seksyen Pengurusan Hutan Tanah Lembap, IPJPSM dan Pn. Hasnida Bt. Zabidi, Ketua Penolong Pengarah, JMG Negeri Selangor/Wilayah Persekutuan. Majlis penutupan dirasmikan oleh En. Jontih Engghihon, Pengarah JMG (Selangor/Wilayah Persekutuan) dan turut dihadiri oleh En. Nicholac Jacob A.L T. Jacob, Timbalan Pengarah JMG (Selangor/Wilayah Persekutuan). Majlis diakhiri dengan sesi penyerahan sijil penyertaan kepada para peserta.



Antara peserta yang terlibat dalam taklimat mengambil gambar bersama.



Para peserta melihat sampel tanah yang digerudi keluar untuk pembinaan telaga tiub



Peserta diberi penerangan jenis mesin dan peralatan penggerudian telaga tiub di Johan Setia, Selangor.



Para peserta diberi penerangan kaedah pengendalian peralatan bagi pengepaman air bawah tanah.



KURSUS PENGURUSAN BUANGAN TERJADUAL

Disediakan oleh : Suhaidi bin Sinin
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

KUALA KANGSAR, 15 April 2019

Seksyen Hasil Bukan Kayu & Latihan, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah menganjurkan "Kursus Pengurusan Buangan Terjadual" pada 15-16 April 2019. Kursus tersebut adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan teguran audit bebas MC&I, mendedahkan pegawai dan kakitangan Jabatan mengenai sistem pengurusan terjadual di Malaysia serta pengenalan kepada akta dan peraturan pengurusan buangan terjadual yang terdapat di negara ini. Kursus tersebut telah diadakan di Taman Eko-Rimba Ulu Kenas, Kuala Kangsar. Latihan praktikal kepada peserta kursus turut diadakan melibatkan kawasan ladang hutan dan tapak semaihan.



Pendedahan kepada peserta kursus tatacara pengurusan sisa terjadual.



Antara peserta yang menyertai program ini.



Sumbangan cenderahati kepada peserta.



KPPSM bersama pegawai kanan IPJPSM turut serta menyertai program ini.



JOM BACA BERSAMA 10 MINIT

Disediakan oleh: Zuraida Bt Mohd Aziz
Bahagian Khidmat Pengurusan, IPJPSM

PERPUSTAKAAN, IPJPSM, 23 April 2019

Program ini diadakan pada 23 April 2019 di Perpustakaan Ibu pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia yang mana turut disertai oleh YBhg. Dato' Indera YBhg. Dato' Indera Nor Akhirrudin bin Mahmud, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, Puan Suhana Md Zaini, Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan serta Encik Mohd Yussainy Yusop, Ketua Unit Komunikasi Korporat dan Pehubungan Awam. Program ini juga turut disertai oleh warga Jabatan di pejabat dan ruangan kerja masing-masing.



Warga JPSM sedang tekun membaca bagi menyokong saranan program ini.



YBhg. Dato' Lim Kee Leng, mempengerusikan Mesyuarat AWG-FM Ke-15.



15th MEETING OF THE ASEAN WORKING GROUP ON FOREST MANAGEMENT (AWG-FM)

Disediakan oleh: Najihah binti Aderis@Idris
Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, IPJPSM



Wakil delegasi Malaysia bagi Mesyuarat AWG-FM Ke-15.

SUBANG JAYA, SELANGOR, 24 – 26 April 2019

Pada tahun ini, Malaysia telah menjadi tuan rumah untuk penganjuran 15th Meeting of The ASEAN Working Group on Forest Management (AWG-FM). Mesyuarat tersebut telah berlangsung pada 24 hingga 26 April 2019 bertempat di Hotel Dorsett Grand Subang, Subang Jaya, Selangor. Sebanyak 38 orang peserta daripada 6 buah negara ASEAN telah terlibat dalam mesyuarat tersebut termasuklah Cambodia, Indonesia, Malaysia, Myanmar, Thailand dan Vietnam. Selain daripada itu, beberapa agensi luar turut hadir bagi membentangkan kertas kerja masing-masing dalam mesyuarat berkenaan iaitu Australia, ASEAN Forest Cooporation Organization (AFoCo) dan European Forest Institute for European Union Forest Law Enforcement Governance and Trade (EFI-EU FLEGT). Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Lim Kee Leng, Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Hutan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Mesyuarat AWG-FM merupakan salah satu platform kepada negara-negara ASEAN untuk berbincang mengenai bidang perhutanan. Ianya berfungsi untuk membantu ASOF dan AMAF dalam membuat keputusan, menyokong pelaksanaan teras strategik serta aktiviti atau pelan tindakan berkaitan perhutanan di peringkat ASEAN di samping menggalakkan pengurusan hutan secara berkekalan.



Delegasi dibawa untuk melawat Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia.

Bersempena dengan mesyuarat tersebut, turut diadakan ASEAN Technical Meeting on A Regional Workshop on Mutual Recognition Arrangement for Legality Timber yang telah diadakan pada 22 hingga 23 April 2019 bertempat di Hotel Dorsett Grand Subang, Subang Jaya, Selangor. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk membincangkan keperluan/ kehendak, pembangunan dan mengenalpasti proses penetapan standard dan prosedur yang perlu diikuti dalam ASEAN Framework Agreement on Mutual Recognition Arrangements (MRA 1988) and Guidelines on Accreditation and Conformity Assessment yang mana perlu dibentangkan dalam AWG-FM.

Bersempena dengan mesyuarat tersebut juga, semua delegasi khususnya daripada negara-negara Anggota telah dibawa untuk melawat Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong.



Suasana ketika mesyuarat AWG-FM Ke-15 berlangsung.



PROGRAM MEMASAK DAN AGIHAN BUBUR LAMBUK KEPADA WARGA PEJABAT HUTAN DAERAH KUALA KANGSAR DAN MASYARAKAT ORANG ASLI

Disediakan oleh : Suhaidi bin Sinin
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

SUNGAI SIPUT, 16 Mei 2019

Pejabat Hutan Daerah Kuala Kangsar telah menganjurkan program memasak dan agihan bubur lambuk kepada semua kakitangan Pejabat Hutan Daerah Kuala Kangsar. Selain itu agihan bubur turut diberikan kepada masyarakat Orang Asli di sekitar Kuala Kangsar. Penyerahan dan agihan bubur lambuk tersebut melibatkan Tok Batin Kg Bawong, Kg Bersah, Kg Gapeh dan masyarakat orang asli Pos Kuala Mu. Program tersebut diadakan di Kompleks Latihan Perhutanan Sungai Siput bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim antara warga Pejabat Hutan Daerah Kuala Kangsar dan penduduk kampung Orang Asli di dalam daerah Kuala Kangsar.



Kakitangan bersemangat dalam menyediakan bubur lambuk untuk diagihkan kepada masyarakat.

PENDAKWAAN KES KESALAHAN HUTAN –MENJALANKAN AKTIVITI DI DALAM HSK TANPA PERMIT PENGGUNAAN DAN MENCEROBOH HSK

Disediakan oleh : Suhaidi bin Sinin, Jabatan Perhutanan Negeri Perak

TELUK INTAN, 30 Mei 2019
Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah membuat pendakwaan ke atas seorang warga tempatan di mahkamah Seksyen Teluk Intan, Perak.

Chin Huat, 62 tahun didakwa melakukan kesalahan iaitu menceroboh kawasan HSK Behrang dengan cara mengorek tanah tanpa kebenaran serta melakukan aktiviti tanpa permit penggunaan di kompartiment 21, HS Behrang, Daerah Perak Selatan pada 28 Mei 2019.

Tertuduh didakwa mengikut seksyen 32(1) Akta Perhutanan Negara 1984 yang diterima pakai oleh negeri di bawah Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 dan jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima(5) tahun atau kedua-duanya denda dan penjara itu.



Gambar menunjukkan aktiviti yang dijalankan tanpa kebenaran dan permit penggunaan di Hutan Simpan Behrang.

Tertuduh juga didakwa mengikut seksyen 81(1)(g) Akta Perhutanan Negara 1984 yang diterima pakai oleh negeri di bawah Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 dan jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi daripada sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-dua denda dan penjara itu.



TAKLIMAT U-PUSTAKA SEMPENA PROGRAM ORIENTASI PELAJAR BAHARU FOTRAIN

Disediakan oleh: Zuraida Bt Mohd Aziz
Bahagian Khidmat Pengurusan

PERPUSTAKAAN, IPJPSM, 18 Jun 2019
Bersempena dengan Program Orientasi Pelajar Baharu FOTRAIN, Perpustakaan IPJPSM telah mengambil peluang untuk mempromosi tentang U-Pustaka. Taklimat ini diadakan pada 18 Jun 2019, di Dewan Alwy, Bahagian Latihan Perhutanan, Kepong. Seramai 72 pelajar yang hadir dalam taklimat ini.



Sebahagian daripada pelajar FOTRAIN.



Taklimat diadakan di Dewan Alwy, Bahagian Latihan Perhutanan, Kepong.



Semua pelajar sedang tekun dan fokus mendengar taklimat yang disampaikan.



FAKTA PERHUTANAN

“

Nama Saintifik: *Intsia palembanica*

Nama Tempatan: Anglai, Alai, Ipil,
Lemelai, Merbau

Keluarga Pokok: Fabaceae

Tempoh Matang: 80 tahun

”



Morfologi Pokok

Biji benih



Batang



Daun



Bunga



“

Kegunaan

1. Digunakan dalam pembuatan perabot seperti kabinet, almari, meja.
2. Digunakan dalam pembuatan alat muzik.
3. Digunakan dalam perubatan.


”

“

Telah dinobatkan sebagai pokok kebangsaan Malaysia pada 23 Ogos 2019 oleh YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri ke-7 Malaysia.

”

Taburan di Malaysia



Disediakan oleh:

Siti Asiah binti Dahlan (Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan)

Rujukan:

1. Asianplanet.net 2. mybis.gov.my 3. pfaf.org 4. cabi.org



PENSIJILAN PENGURUSAN HUTAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA

PENDAHULUAN

Sijil Pengurusan Hutan ini adalah satu proses pengiktirafan sepenuhnya pemaluan kepada arahan Pengurusan Hutan Secara Berkalaan (*Sustainable Forest Management*). Terdapat dua (2) organisasi yang memperlakukan pensijilan hutan di peringkat antarabangsa iaitu *Programme for the Endorsement of Forest Certification* (PEFC) dan *Forest Stewardship Council* (FSC). Di Semenanjung Malaysia, Pensijilan Pengurusan hutan adalah berdasarkan PEFC yang dilaksanakan di Hutan Simpanan Kekal (HSK) menerusi Skim Pensijilan Kayu Malaysia (MC&I) menggunakan standard *Malaysian Criteria and Indicators for Forest Management Certification (Natural Forest)* (MC&I (Hutan Asli)). Sehingga kini seluruh 3.84 juta hektar mendapat Pensijilan Pengurusan Hutan di semenanjung malaysia.

STANDARD MC&I (HUTAN ASLI)

- PRINSIP 1 PEMATUHAN KEPADA UNGANG-UNGANG DAN PRINSIP-PRINSIP
- PRINSIP 2 HAK PEMEGANGAN DAN PENGGUNAAN DAN TANGGUNGJAWAB
- PRINSIP 3 HAK-HAK MASYARAKAT PRIBUMI
- PRINSIP 4 PERHUBUNGAN MASYARAKAT DAN HAK-HAK PEKERJA
- PRINSIP 5 FAEDAH-FAEDAH DARIPADA HUTAN
- PRINSIP 6 IMPAK ALAM SEKITAR
- PRINSIP 7 RANCANGAN PENGURUSAN HUTAN
- PRINSIP 8 PEMANTAUAN DAN PENILAIAN
- PRINSIP 9 PENYELENGGARAAN HUTAN YANG TINGGI NILAI PEMULIHARAANNYA

PROSES PENG AUDITAN

01 BADAN PENSIJILAN

Disahkan oleh Jabatan Standard Malaysia
 Melantik Badan Pensijilan untuk Pengauditan



02 AUDIT DALAM

- Mesyuarat Februari
- Semakan dokumentasi
- Semakan dilapangan
- Mesyuarat penutup
- Laporan Audit



03 Audit Pemantauan / Audit Pensijilan Semula

- Mesyuarat Pemakaian
- Semakan dokumentasi
- Semakan dilapangan
- Konsultasi stakeholder
- Mesyuarat Penutup



04 LAPORAN AUDIT

- Komisi Peer review
- Mukhlabsah FMU



05 AUDIT VERIFIKASI (JIKA PERLU)

- Jaw-is yang dikenyatakan oleh stakeholders
- Bagi menutup Major CAB



06 PENGKELALAN SURI

- Sijil sah bagi tempoh 3 tahun
- Pengiktirafan kayu yang sah



SESI KONSULTASI



SEMASA PENGUSAHASILAN



PENGUSAHASILAN DENGAN IMPAK

TERBANGUN SECARA BERANAK

LANGKAH KAWALAN



RESTORASI

SIJIL PENGURUSAN HUTAN





LESTARIKAN HUTAN KITA DEMI KESEJAHTERAAN BERSAMA





Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia Forestry Department Peninsular Malaysia

Jalan Sultan Salahuddin, 50660 Kuala Lumpur.

Tel: 603-26164488 Faks: 603-2692 5657

Laman Sesawang: <http://www.forestry.gov.my>